

BULETIN JPPH MALAYSIA

Edisi 3/2019 Sept - Dis 2019



Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah H1 2019 dan Pelancaran Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM) 2.0

Majlis Apresiasi Pembekal Data NAPIC Lembah Klang



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH Malaysia)

Majlis Pelantikan JPPH Malaysia selaku Penilai Aset RAC



TINTA KETUA EDITOR

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Bertemu kembali dalam penerbitan Buletin JPPH Malaysia siri ke 3 Tahun 2019. Sekalung tahniah dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua ahli Sidang Redaksi Buletin JPPH Malaysia yang tidak mengenal jemu dalam usaha memastikan buletin ini disiapkan.

Buletin kali ini memuatkan aktiviti dan program bagi Bulan September hingga Disember 2019. Kami amat teruja dan bersyukur dengan melaksanakan beberapa program besar seperti Pelancaran Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM) 2.0 dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) dan JPPH Malaysia yang membuka ruang lebih besar kepada JPPH Malaysia untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak industri harta tanah di Malaysia. Diharapkan dengan kerjasama yang terjalin ini akan membawa JPPH Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi dan mencipta lebih banyak kejayaan dalam meningkatkan imej dan perkhidmatan JPPH Malaysia ke peringkat antarabangsa mahupun negara.

Akhir kata, diucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama dalam membekalkan bahan dan maklumat bagi penerbitan buletin ini. Tiada insan yang sunyi daripada kesilapan dan kelupaan maka saya mengharapkan ianya dapat diperbaiki melalui teguran dan cadangan daripada semua pihak sebagai panduan di masa hadapan. Kesinambungan Buletin JPPH Malaysia adalah merupakan kejayaan kita bersama.

Sekian, terima kasih.

Sr Azlina Bt Mohamad Nor
Sr Shafiza Bt Shamsudin
Ketua Editor
Buletin JPPH Malaysia Edisi 3/2019

Segala informasi berkaitan JPPH Malaysia boleh dihantar melalui e-mel kepada shafiza@jpph.gov.my ayub@jpph.gov.my jannatul_h@jpph.gov.my

PENAUNG
Sr Hj. Mohd Khairudin bin Abd Halim

PENASIHAT
Sr Hj. A'zmi bin Abdul Latif

KETUA EDITOR
Sr Azlina binti Mohamad Nor
Sr Shafiza binti Shamsudin

EDITOR
Ayub bin Ngah

URUS SETIA DAN REKA GRAFIK
Jannatul Hafidzah binti Jamaluddin

SIDANG PENGARANG
Kartini binti Haron
Fatihah @ Fatimah binti Omar
Nurhani binti Tajuddin
Salizawati binti Azman
Zuraida binti Abu Zaid
Jannatul Hafidzah binti Jamaluddin
Nur Shazwani binti Baharudin
Inna Mazlin binti Eng @ Ismail

JURUFOTO
Abdul Halim bin Radzi
Abdul Rashid bin Ismail
Azizul bin Mosh Ia
Mohd Faiz bin Mohd Noh
Hirman bin Jamil

DITERBITKAN
Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia

PERCETAKAN
Unit Penerbitan dan Media
INSPEN

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Malaysia

Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 6, Perbendaharaan 2
No. 7 Persiaran Perdana
Presint 2, 62592 Putrajaya
Tel : (603) 8886 9000
Fax : (603) 8886 9001
Portal : www.jpph.gov.my

Buletin JPPH Malaysia diterbitkan 3 kali setahun.
Hak cipta terpelihara. Sidang Redaksi
berhak melakukan penyuntingan terhadap
tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak
mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak
boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua
Editor.

PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan setinggi kesyukuran kehadiran Ilahi di atas segala nikmat dan kesempatan yang diberikan sehingga kita boleh lagi berkolaborasi dalam penerbitan Buletin Edisi 3 kali ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak tertinggi Kementerian Kewangan Malaysia yang telah memberi kepercayaan melantik saya sebagai Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke-15 pada Oktober yang lalu. Dengan mandat yang diberikan ini, saya akan menjalankan tanggungjawab dengan sepenuhnya bagi memastikan hala tuju kecemerlangan jabatan berada pada tahap yang tinggi dan mempunyai impak positif yang besar kepada negara.

JPPH Malaysia pada suku tahun ketiga ini merancakkan program penilaian yang melibatkan agensi swasta, NGO dan juga pihak kerajaan sendiri. Usaha sama dan gabungan pemantapan perkongsian maklumat dengan pihak luar semakin diperluaskan. Ini memberi kelebihan dalam penyaluran maklumat, kutipan data dan hubungan dua hala yang berjalan baik.

Aktiviti penilaian harta semakin berkembang dengan pelbagai bidang baru telah diterokai seperti penilaian hutan, penilaian maritim, penilaian perniagaan, harta intelek, harta milik Perbadanan Aset Keretapi dan juga penilaian lapangan terbang. Cabaran baru bidang penilaian menjadi lebih kompleks dengan keperluan yang pantas untuk diselesaikan setiap kes yang diterima. Justeru itu, JPPH Malaysia adalah kini usaha untuk di dalam mengubah piagam pelanggan dengan membuat penambahbaikan iaitu berusaha untuk mempercepatkan tempoh kesiapan kes penilaian.

Kepakaran JPPH Malaysia sering digunakan dalam menentukan keputusan hakim di mahkamah yang dikenali sebagai pengapit hakim atau assessor yang bertugas di Mahkamah Tinggi setiap negeri. Di samping itu, Jabatan begitu aktif dalam menasihati kerajaan dalam membuat dasar dan penentuan tahap ekonomi yang ingin dicapai hasil sumbangan industri harta tanah.

Sebagai penutup tahun 2019 dan akan melangkah ke tahun 2020, sidang redaksi Buletin JPPH Malaysia mengucapkan selamat datang kepada warga JPPH Malaysia daripada pelbagai gred yang baru melaporkan diri dalam tempoh terdekat ini dan berkhidmat dengan JPPH Malaysia. Juga tahniah kepada mereka yang mendapat kenaikan pangkat dan berkhidmat di tempat yang baru. Diharapkan tuan/puan dapat memberi kerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan tugas yang diamandahkan dengan ikhlas dan penuh rasa tanggungjawab.

Dalam edisi kali ini banyak paparan aktiviti yang melibatkan liputan kehadiran daripada orang kenamaan, penganjuran program seperti seminar, persidangan, kemuncak persidangan, forum, majlis apresiasi, taklimat, pelancaran sistem, lawatan kerja, kunjungan hormat dan sambutan majlis sempena ulang tahun Jabatan. Di samping itu dikongsikan liputan dalam media elektronik dan cetak di televisyen, radio, akhbar, media massa sosial dan media online tentang peranan berkaitan Jabatan.

JPPH Malaysia, menggerakkan perubahan kepada aktiviti penilaian bidang yang baharu dengan memberi penambahbaikan kepada SOP dan menggandakan usaha mempercepatkan sasaran kerja dalam mencapai piagam pelanggan yang ditetapkan secara berterusan. Sebagai menambah baik dan meningkatkan imej Jabatan, penjenamaan nama dan logo Jabatan turut diubah dan dikenali sebagai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH Malaysia). Serentak dengan itu juga laman web Jabatan secara keseluruhannya juga berubah dan berwajah baru.

Selain dimuatkan aktiviti di peringkat Jabatan, kebangsaan dan antarabangsa, juga dimasukkan maklumat program di peringkat negeri, daerah dan cawangan yang diberikan oleh setiap Pejabat JPPH Malaysia di seluruh negara.

Paparan ini menyaksikan laporan yang menyeluruh aktiviti yang berlaku di dalam negeri mahu pun di luar negara yang melibatkan kehadiran pegawai daripada Jabatan. Pihak JPPH Malaysia mengucapkan terima kasih kepada semua Pejabat di cawangan yang telah memberikan maklumat dan artikel untuk dimuatkan dalam Buletin JPPH Malaysia Edisi 3 2019 kali ini. Selamat mengikuti dan berkongsi maklumat yang telah diterbitkan.

Sekian.

YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH Malaysia)



MAJLIS TAKLIMAT PASARAN HARTA TANAH H1 2019 DAN PELANCARAN SISTEM CARIAN HARTA TANAH TIDAK TERJUAL MALAYSIA (UPESM) 2.0

23 September 2019 - YB Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia telah merasmikan Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah H1 2019 dan Pelancaran Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM) 2.0 di Dewan Jubli, INSPEKSI. Beliau juga sempat mencuba sistem UPESM 2.0 ini dan mendengar penerangan tentang kelebihan menggunakaninya. Dalam sidang akhbar yang berasingan, beliau menyatakan kerajaan akan memperkenalkan beberapa skim dan inisiatif baru bagi membantu golongan B40 dan M40 setiap keluarga memiliki rumah pertama sendiri.



MAJLIS PELANCARAN 2 BUAH BUKU PENERBITAN JPPH MALAYSIA

24 September 2019 - YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah melancarkan dua buah buku penerbitan Jabatan. Buku tersebut ialah *Handbook for Assessors Volume 6* dan *Garis Panduan Penentuan Pampasan Kehilangan Pendapatan Bagi Pengambilan Tanah Berdasarkan Kepada Prinsip Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960*. Pelancaran ini juga adalah bersempena Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri bilangan 4 tahun 2019 di Ibu Pejabat.

Kedua-dua buku ini diterbitkan oleh Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah yang diketuai oleh Sr Norhisham bin Shafie bersama dengan Ahli Jawatankuasanya. Buku *Handbook for Assessors Volume 6* akan dijual kepada penggiat industri harta tanah dengan harga yang berpatutan.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA ROYAL INSTITUTION OF SURVEYORS MALAYSIA (RISM) DAN JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA (JPPH MALAYSIA)

2 Oktober 2019 - JPPH Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) di Pejabat RISM, Petaling Jaya, Selangor. JPPH Malaysia diketuai oleh YBrs. Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia. Sementara RISM diketuai oleh presidennya iaitu Sr Kwan Hock Hai.

Hubungan antara JPPH Malaysia dan RISM telah lama berlangsung dan saling menyokong bekerjasama erat dalam sebarang aktiviti atau program yang dianjurkan oleh kedua-dua organisasi. Ini kerana JPPH Malaysia telah menjadi sebahagian daripada RISM sejak dahulu lagi dan RISM juga telah memainkan peranannya sebagai salah satu penyumbang utama yang menawarkan rujukan pakar dalam membangunkan profesion penilaian melalui latihan di INSPEN. Hubungan rancangan penyelidikan JPPH Malaysia dengan reka bentuk harta RISM akan menggabungkan kepakaran, sumber penyelidikan, latihan, pendidikan dan maklumat berhubung dengan harta tanah. Dengan termeterainya MoU ini akan menghasilkan kerjasama yang lebih erat ke arah matlamat yang sama iaitu untuk memastikan kemampunan industri harta tanah dan profesion penilaian terus berkembang.

Kerjasama ini juga dapat meningkatkan peranan dalam mengukuhkan dan membangunkan industri harta tanah dalam negara. Melalui MoU ini, matlamat kedua pihak untuk meningkatkan industri dan pasaran harta tanah negara ke tahap yang lebih baik akan tercapai dan bergerak aktif di masa akan datang.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KETUA SEKRETARIAT KEMENTERIAN EKONOMI DAN KEWANGAN NEGARA CAMBODIA KE JPPH MALAYSIA



3 Oktober 2019 - JPPH Malaysia menerima kunjungan hormat lawatan sambil belajar daripada Delegasi Kementerian Ekonomi dan Kewangan Negara Cambodia yang diketuai oleh Ketua Sekretariatnya iaitu Madam Sov Sorya, Timbalan Pengarah Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Negara Cambodia. Sementara Jabatan diketuai oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) yang bertindak sebagai memberi ucapan aluan mewakili Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Seramai 9 orang delegasi daripada negara Cambodia telah menyertai lawatan sambil belajar ini sebagai melengkapkan rangka kunjungan hormat ke beberapa agensi di bawah Kementerian Kewangan Malaysia seperti Bahagian Pengurusan Aset Awam, JPPH Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Juga siri lawatan ke agensi lain iaitu Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Malaysia (JKPTG Malaysia) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR). Tujuan lawatan ini ialah mahu berkongsi pengetahuan penggunaan aset awam di Malaysia dan pembangunan sistem maklumat harta tanah yang berkaitan di dalam pengurusan kerajaan Malaysia.

JPPH Malaysia telah membentangkan peranan, fungsi dan aktiviti Jabatan dalam pengurusan harta tanah di Malaysia. Selain itu JPPH Malaysia juga membentangkan tajuk tentang proses Penilaian Akruan. Kedua-dua tajuk ini dibentangkan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Pengarah Kanan Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Di penghujung sesi lawatan ini diadakan soal jawab yang mendapat minat mendalam daripada para delegasi dengan soalan dan penjelasan yang diberikan oleh pegawai JPPH Malaysia telah memuaskan hari mereka.

MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA DAN PENYERAHAN TUGAS SEBAGAI KETUA PENGARAH KE 14

4 Oktober 2019 - Majlis Perutusan Amanat Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin telah diadakan di Dewan Jubli, INSPEN pada 4 Oktober 2019 (Jumaat). Berbagai acara sampingan turut disediakan. Antaranya persembahan 4 zon yang digabungkan berkonsep muzikal islamik dengan pemilihan lagu berirama nasyid dan tradisi bertemakan "Budimu Setulus Hati, Selaut Kasih Kami Hargai". Turut dimuatkan ialah persembahan khas iaitu deklamasi sajak oleh YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan Bin Azizuddin yang bertajuk "Cinta Kasihku Kepada JPPH". Dalam bait-bait sajak ini menceritakan pengalaman, penghargaan, jasa, rasa kasih, tanggungjawab, amanah yang dipikul, kesetiaan dan pengharapan beliau kepada Jabatan agar terus unggul di mata dunia sepanjang zaman.

Sebagai menghargai jasa dan bakti beliau kepada JPPH Malaysia, beberapa cenderamata daripada persatuan Jabatan telah disampaikan kepada beliau. Antaranya ialah daripada Kelab Sukan dan Kebajikan Penilaian (KESUPEN) Pusat, Persatuan Kebajikan Islam Penilaian (PEKIP) Pusat, Persatuan PENILAIMASA, PUSPANITA, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB), COB dan Kumpulan Persidangan Pengarah Penilaian dan Penilai Daerah JPPH.

Sementara itu di sesi petang pula diadakan Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Kepada Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) sebagai memangku Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang baru. Di mana YBrs. Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin akan bersara wajib pada 5 Oktober 2019. Majlis ini diserikan dengan beberapa ucapan daripada Pengurusan Tertinggi, wakil Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah. Di samping peluang beramah mesra diberikan juga kepada kakitangan yang lain untuk berkongsi pengalaman. Pihak Jabatan juga menyampaikan Sijil Persaraan sebagai menghargai sumbangan bakti beliau kepada kerajaan selama tempoh berkhidmat di JPPH Malaysia selama 36 tahun.

Di akhir majlis ini, YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin membuat thumb print keluar terakhir disaksikan oleh semua yang hadir dan bersama-sama mengiringi beliau ke kereta rasmi Jabatan sebagai simbolik lambaan persaraan terakhir beliau.

Warga JPPH Malaysia mengucapkan penghargaan terima kasih di atas jasa bakti yang sekian lama telah dicurahkan kepada Jabatan oleh mantan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin.



PENYERAHAN TUGAS KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA KE 14



CONFERENCE ON VALUATION OF INTANGIBLE ASSETS



15 Oktober 2019 - YBrs. Sr Hj. Mohd Khairudin bin Abd Halim, Pemangku Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, merangkap Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) telah menyampaikan Keynote Address di Conference on Valuation Of Intangible Assets, bertajuk *Bringing Malaysia Into The Ranks Of Developed And High Income Nations Through Monetisation Of Intangibles and Intellectual Property* di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 15 Oktober 2019. Majlis ini adalah anjuran bersama oleh Business Valuers Association Malaysia (BVAM) dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH Malaysia).

YBRS. SR HAJI MOHD KHAIRUDIN BIN ABD HALIM MEMBENTANGKAN KERTAS KERJA DI SEMINAR REAL ESTATE 2019 ANJURAN UM BERTEMAKAN TECHNOLOGY IN REAL ESTATE: DISRUPTIVE OR GENERATIVE



30 Oktober 2019 - YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin Bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia telah dijemput membentangkan kertas kerja bertajuk "An Overview Of Technology In Real Estate" di Seminar Real Estate 2019 bertemakan Technology in Real Estate : Disruptive or Generative. Seminar ini diadakan di Auditorium Mercu Alam Bina, Universiti Malaya yang juga dianjurkan oleh Universiti Malaya.

PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

30 Oktober 2019 - Sesi Penyampaian Watikah Pelantikan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia oleh YBhg. Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan kepada YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim pada 30 Oktober 2019 (Rabu) di Pejabat Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia, di Putrajaya. Pelantikan ini bermakna JPPH Malaysia telah menerima Ketua Pengarah baharu yang ke-15 berkuatkuasa pada 29 Oktober 2019 mengikut surat tawaran asal yang telah dikeluarkan. Sehubungan itu, Warga JPPH Malaysia mengucapkan tahniah dan syabas kepada YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim di atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang baharu.



MAJLIS APRESIASI PEMBEKAL DATA NAPIC LEMBAH KLANG

4 November 2019 - JPPH Malaysia Wilayah Persekutuan mengadakan Majlis Apresiasi Pembekal Data NAPIC Lembah Klang yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Wira Haji Aminuddin bin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia bertempat di Dewan Jubli, INSPEK. Sebanyak 8 anugerah pembekal data NAPIC terbaik bagi kategori agensi kerajaan, pemaju, kompleks pejabat dan kompleks membeli-belah telah diberikan. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah.



LAWATAN AKADEMIK PELAJAR UiTM CAWANGAN PERAK, KAMPUS ISKANDAR KE JPPH MALAYSIA

11 Oktober 2019 - JPPH Malaysia telah menerima lawatan akademik para pelajar daripada UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. Seramai 55 orang pelajar tahun satu daripada Jabatan Pengurusan Hartanah, Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak telah menyertai lawatan ini yang diketuai oleh dua orang pensyarah iaitu Puan Nurul Sahida binti Fauzi dan Cik Nurulanis binti Ahmad@ Mohamed. Lawatan ini diadakan di INSPEL di Bilik Persidangan Utama dengan satu taklimat khas telah diberikan oleh Puan Azlina binti Mohamad Nor, Ketua Unit Komunikasi Korporat mengenai organisasi JPPH Malaysia.

Dalam sesi soal jawab selanjutnya, juga dibangkitkan peluang kerjaya di JPPH Malaysia selepas mereka menamatkan pengajian kelak. Ianya diberikan penerangan jelas di mana mereka adalah berpeluang cerah untuk berkhidmat di Jabatan melalui proses tertentu yang diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Selain itu, turut ditanya tentang nilai harga rumah yang semakin meningkat. Hal ini juga diperjelaskan mempunyai banyak faktor lain yang kuat mempengaruhi harga rumah. Jabatan mengesyorkan nilai harga rumah bagi pembeli di sektor awam yang menggunakan pembiayaan pinjaman daripada LPPSA mengikut kelayakan seseorang peminjam. Namun Jabatan ada menyediakan beberapa sistem online yang boleh digunakan untuk menyemak berkaitan transaksi penjualan rumah, semakan rumah yang tidak terjual, duti setem dan berbagai lagi sistem berkaitan harta tanah yang diboleh akses melalui laman web jpph.gov.my.

Di akhir lawatan ini, pihak UiTM melakarkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan yang telah sudi menerima kunjungan mereka dan dapat berkongsi maklumat berguna tentang peranan, aktiviti dan tugas di JPPH Malaysia. Kerjasama ini mereka mengharapkan berterusan sebagai sesi akademik pembelajaran sampingan kepada para pelajar UiTM.



KUNJUNGAN HORMAT PENGURUSAN TERTINGGI JPPH MALAYSIA KE PEJABAT KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

13 November 2019 - Pihak Pengurusan Tertinggi JPPH Malaysia telah membuat kunjungan hormat ke Pejabat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia iaitu YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman di Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Kunjungan hormat ini diketuai oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Turut bersama ialah YBrs. Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) dan YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) serta Encik Adam bin Abu Hanipah, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan.



SEMINAR HARTA TANAH WILAYAH PANTAI TIMUR 2019

ANJURAN PENILAIASAMA

14 November 2019 - Seminar Harta Tanah Wilayah Pantai Timur 2019 (Peluang dan Cabaran) telah diadakan di The Zenith Hotel, Kuantan. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abdul Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta turut menyampaikan ucapan aluan di seminar ini. Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBrs. Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) dan juga YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Seminar ini adalah anjuran bersama JPPH Malaysia Pahang dengan Persatuan Penilai Sektor Awam Malaysia (PENILAIASAMA) dan KESUPEN Cawangan Pahang. Peserta yang hadir telah diberikan 5 mata CPD oleh Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia dan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB Malaysia).

Sebanyak 5 topik telah dibentangkan oleh mereka yang pakar dalam bidang harta tanah dan pengurusan harta. Antaranya daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), PASDEC Holding Berhad, Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL), Universiti Malaysia Kelantan dan daripada KotaSAS Sdn. Bhd. Topik yang dibentangkan begitu menarik seperti prestasi pasaran harta tanah Wilayah Pantai Timur, pembangunan perumahan di Negeri Pahang, pembangunan laluan Rel Pantai Timur (ECRL), bagaimana ECRL memacu pembangunan harta tanah sekitar dan impak ECRL terhadap pembangunan semasa dan akan datang.

Penyertaan begitu menggalakkan yang terdiri daripada penilai, pemaju harta tanah, profesional harta tanah, ejen harta tanah, ahli ekonomi, pentadbir tanah, ahli akademik, penyelidik, pihak berkuasa tempatan, peguam, pelajar dan bakal pelabur harta tanah. Seminar ini juga telah mendapat liputan melalui radio THR GEGAR Pantai Timur yang dibuat secara langsung bersama para panel dengan perkongsian info yang lebih menyeluruh dan melalui berita di saluran radio tersebut.



KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA TERIMA DARJAH KEBESARAN



19 November 2019 - YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim menerima Darjah Kebesaran, Johan Mangku Negara (J.M.N), Sempena Hari Keputeraan Rasmi Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, di Istana Melawati Presint 1, Putrajaya.

Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2019 yang pertama selepas Sultan Abdullah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 30 Julai lalu.

Seramai 795 individu menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2019 sempena Hari Keputeraan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Abdullah Sultan Ahmad Shah, di Istana Negara dan Istana Melawati Presint 1, Putrajaya.

Daripada jumlah itu, 42 individu menerima darjah kebesaran masing-masing dalam Istiadat Menghadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan yang berlangsung di Istana Negara dan 753 individu lagi di Istana Melawati Presint 1, Putrajaya.

Penganugerahan darjah kebesaran dan pingat persekutuan itu turut membabitkan pengurniaan Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N) kepada 23 individu termasuk Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Syabas dan tahniah diucapkan kepada YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim di atas pengurniaan Darjah Kebesaran tersebut.

MIPFM CONFERENCE 2019

21 November 2019 - YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah dijemput sebagai Guest Of Honour and Key Note Speaker di MIPFM Conference 2019 : Enhancing Property Value Via Best Practice Solutions di PWTC, Kuala Lumpur pada 21 November 2019 (Khamis). Majlis ini dianjurkan oleh Institute of Property and Facility Management (MIPFM) yang bertemakan "Towards First Class Property and Facility Management".



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH JPPH MALAYSIA 2019



25 November 2019 - Majlis Penyampaian Anugerah JPPH Malaysia 2019 telah diadakan pada 25 November 2019 (Isnin) di Dewan Jubli INSPEK yang disempurnakan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta JPPH Malaysia. Sebanyak 5 kategori anugerah telah diberikan iaitu Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Pejabat PPN), Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Pejabat Penilai Daerah), Anugerah Inovasi JPPH Malaysia dan Anugerah Pengarah INSPEK. TAHNIAH diucapkan kepada semua pemenang Anugerah JPPH Malaysia.

PERSIDANGAN PENGARAH PENILAIAN DAN PENILAI DAERAH JPPH MALAYSIA KALI KE 78



25-28 November 2019 - Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Malaysia ke 78 telah diadakan pada 25 hingga 28 November 2019 di INSPEN. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia. Persidangan ini juga melibatkan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ePerolehan. Selain daripada mesyuarat turut diadakan ialah aktiviti sukan, malam bersama keluarga, penyampaian anugerah Inovasi Jabatan dan aktiviti lawatan. Bagi lawatan teknikal, ahli persidangan telah dibawa melawat ke Agensi Nuklear Malaysia di Bangi, Selangor. Acara jamuan keluarga juga diadakan yang bertemakan pakaian tradisi pelbagai kaum yang cukup meriah telah ditunjukkan oleh mereka yang mengambil bahagian dengan disediakan hadiah bagi para pemenang pakaian tradisi paling lengkap.

TEMU BUAL DAN BUAL BICARA KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA BERSAMA MEDIA TELEVISYEN DAN RADIO

25 November 2019 - Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah bersiaran langsung di dalam segmen Kopi Panas di Selamat Pagi Malaysia RTM pada 27 November 2019 yang membicarakan topik "Ejen Hartanah Tidak Berlesen". Beliau menekankan aktiviti ejen harta tanah tidak berlesen ini memberi kesan dan mengancam kepada keharmonian pembeli yang sering menjadi mangsa penipuan ejen harta tanah yang merugikan negara. Beliau memberi panduan dan saranan agar apabila mahu membeli rumah atau harta tanah melalui ejen seharus terlebih dahulu merujuk kepada pihak Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Hartanah dan Pengurus Harta untuk mengesahkan mereka berdaftar dengan pihak lembaga atau tidak.

Sesi temubual kedua ialah bersama dengan Radio Traxx Fm pada 6 Disember 2019, di Wisma Radio RTM, Angkasapuri dengan tajuk "Illegal Real Estate Agent". Temubual ini juga dibuat secara langsung dalam FB Radio Traxx Fm yang mendapat maklum balas baik daripada pendengar. Topik ini begitu penting yang memberi penerangan dan maklumat berkaitan aktiviti ejen harta tanah yang berlesen dan tidak berlesen.



SAMBUTAN HARI INTEGRITI JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA MALAYSIA BERSAMA SPRM



29 November 2019 - Majlis Sambutan Hari Integriti JPPH Malaysia 2019 yang disempurnakan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada 29 November 2019 (Jumaat) di INSPEC. Sambutan kali ini disambut bersama pihak SPRM di mana Bacaan Ikrar Bebas Rasuah dan Majlis Menandatangani Ikrar tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah JPPH Malaysia di hadapan Timbalan Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Dato' Junipah binti Wandi.

Pengisian lain ialah diadakan ceramah bertajuk "Tumbuk Rusuk Duit Panadol - Pengkisanan Dari Tirai Besi" yang disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Ramli daripada CJ Global Venture. Semua Pengarah Penilaian Negeri, Penilai Daerah dan sebilangan besar warga JPPH Malaysia Ibu Pejabat dan sekitar Lembah Klang telah menghadirinya.

KUNJUNGAN DELEGASI QUEENSLAND UNIVERSITY OF TECHNOLOGY AUSTRALIA KE INSPEN

2 Disember 2019 - YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia telah menyantuni kunjungan delegasi dari Queensland University Of Technology Australia (QUT) di Institut Penilaian Negara (INSPEN) pada 2 Disember 2019.

Delegasi tersebut diwakili oleh Encik Andrew Paltridge, Associate Dean (International) of Business School dan Puan Hayley McNeel, Regional Manager of South / South East Asia / Middle East / Pacific of QUT.

Turut serta menerima kunjungan ini ialah YBrs. Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), YBrs. Sr Haji Mohd Nazri bin Ahmad Zahari (Pengarah INSPEN) serta para pegawai kanan INSPEN yang lain.



KUNJUNGAN HORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) KE PEJABAT KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA



3 Disember 2019 - Kunjungan hormat daripada delegasi Fakulti Senibina dan Ekistik, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) diketuai oleh Sr Dr. Shardy Bin Abdullah, Dekan Fakulti Senibina dan Ekistik ke atas YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia pada 3 Disember 2019 (Selasa) di Ibu Pejabat JPPH Malaysia, Putrajaya. Kunjungan hormat ini bertujuan membincangkan kerjasama strategik di antara pihak UMK dan JPPH Malaysia.

KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI JPPH MALAYSIA KE PEJABAT KETUA PENGARAH JUPEM



3 Disember 2019 - Kunjungan hormat oleh delegasi JPPH Malaysia yang diketuai oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke Pejabat Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk berjumpa dengan YBhg. Dato' Dr. Sr Azhari Bin Mohamed pada 3 Disember 2019 (Selasa) di Wisma JUPEM, Kuala Lumpur. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama strategik antara JPPH Malaysia dan JUPEM dalam perkongsian data geospatial bagi kegunaan aktiviti penilaian harta di Jabatan.

Turut hadir ialah YBrs. Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) dan YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Pihak JUPEM juga dihadiri oleh kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah mereka.

Bagi mengeratkan kerjasama ini adalah diharapkan ianya akan dilanjutkan dengan persetujuan Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua Jabatan. Hasrat ini secara langsung juga telah dibangkitkan oleh pihak JPPH Malaysia semasa sesi kunjungan hormat ini dan dipersetujui oleh pihak JUPEM. Satu sesi mesyuarat lanjutan antara kedua pihak akan diadakan dalam masa terdekat untuk membincangkan hasrat tersebut.

MAJLIS PELANTIKAN JPPH MALAYSIA SELAKU PENILAI ASSET RAC



10 Disember 2019 - Majlis Pelantikan JPPH Malaysia selaku penilai aset-aset milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang disempurnakan oleh YBrs. Encik Azhar bin Ahmad, Pengurus Besar RAC dan YBrs Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia pada 10 Disember 2019 (Selasa) di Pejabat RAC, IOI Putrajaya. Pelantikan ini sebagai persetujuan JPPH Malaysia untuk menilai dan menyediakan data lengkap jajaran landasan keretapi, infrastruktur, bangunan, lokomotif dan semua aset milikan RAC di seluruh negara. Penilaian komersial Perbadanan Aset Keretapi ini akan melibatkan 21 Pejabat Cawangan JPPH Malaysia seluruh negara yang akan bermula pada pertengahan bulan Disember 2019.

AKTIVITI NAPIC



17 September 2019 - Housing & Valuation Conference 2019: *Housing Price Conundrum: Finding the Right Equation*. Persidangan anjuran Penilaismaya ini telah diadakan di Hotel Concorde, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBrs. Sr Haji Khairudin Bin Abdul Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) dan YBrs. Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi).



23 September 2019 - YB Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia telah merasmikan Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah H1 2019 dan Pelancaran Sistem Carian Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (UPESM) 2.0 di Dewan Jubli, INSPEK. Beliau juga telah mencuba sistem UPESM 2.0 ini dan mendengar penerangan tentang kelebihan menggunakanannya. Dalam sidang akhbar yang berasingan, beliau menyatakan kerajaan akan memperkenalkan beberapa skim dan inisiatif baru bagi membantu golongan B40 dan M40 setiap keluarga memiliki rumah pertama sendiri.



20-23 Oktober 2019 - 22nd ASEAN Valuers Valuation (AVA) Congress. Kongres ini telah berlangsung di Pattaya, Thailand. Delegasi JPPH Malaysia diketuai oleh YBrs. Sr Haji A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) manakala Sr Kamarul Hisyam Bin Sebri, Penolong Pengarah, Bahagian Inventori Harta Tanah NAPIC telah membuat pembentangan bertajuk "Pulse Built Office and Shopping Complex Performance in Kuala Lumpur" pada kongres AVA tersebut.



22 Oktober 2019 - Mini Lab Jawatankuasa Kajian Had Harga Minima Perolehan Harta Tanah. Mini Lab anjuran PTG Johor telah diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 2, Bangunan Dato Mohd Salleh Perang, Kota Iskandar, Johor.



11 November 2019 - Sesi Perbincangan Bersama Panel Pakar: Pembangunan Indeks Sewaan Pusat Beli-belah (SC-RI) Lembah Klang. Telah berlangsung di Bilik Mesyuarat, Aras 7, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Putrajaya.



14 November 2019 - Seminar anjuran Penilaisama telah diadakan di The Zenith Hotel Kuantan pada 14 November 2019. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abdul Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia. Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBrs. Sr Tuan Hj A'zmi bin Abdul Latif, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian Perkhidmatan Harta (Operasi) dan YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar Strategik).



20 November 2019 - Housing Conference 2019: *Making Affordability the New Normal*. Persidangan ini anjuran REHDA Institute telah diadakan di Sunway Resort Hotel & Spa.

AKTIVITI BAHAGIAN LOJI, JENTERA & PERALATAN



26 Ogos - 31 Oktober 2019 - JPPH Malaysia telah menerima permohonan penilaian Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang, Terminal KLIA & Terminal KLIA2 daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada tahun ini bagi maksud insurans. Penilaian bagi Terminal KLIA merupakan kali yang ketiga dijalankan pada tahun ini di mana sebelum ini penilaian terdahulu telah dibuat pada tahun 2006 dan 2012.



2 Disember 2019 - Delegasi Australia dari Queensland University Of Technology Australia (QUT) telah mengunjungi Institut Penilaian Negara pada 2 Disember 2019. Delegasi tersebut diwakili oleh Encik Andrew Paltridge, Associate Dean (International) of Business School dan Puan Hayley McNeel, Regional Manager of South / South East Asia / Middle East / Pacific of QUT. Delegasi ini turut mengunjungi Galeri Loji Jentera dan Peralatan pada hari tersebut.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



23 September 2019 - Sistem Unsold Property Enquiry System Malaysia (UPESM) 2.0 telah dilancarkan bersama-sama Majlis Taklimat LPH H1 2019 dan disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.



28 - 30 November 2019 - Pihak BTM juga telah berpeluang mengadakan lawatan ke kilang Dell Global Business Center di Bukit Minyak, Penang. Lawatan yang adalah salah satu aktiviti yang telah dirangka dalam bengkel berkenaan bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat proses pemasangan peralatan ICT yang telah dilaksanakan di kilang.



20 Disember 2019 - Lawatan audit ke premis Sky-Shine telah diadakan pada 20 Disember 2019 bagi memastikan data charting milik JPPH Malaysia telah dihapuskan dari komputer pembekal.



4 September 2019 - Persidangan NAPREC ke-15 telah dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi INSPEN bertempat di Dewan Jubli INSPEN dan dirasmikan oleh YBrs. Sr Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, JPPH Malaysia.



5 September 2019 - Seminar Penyelidikan JPPH Malaysia Ke-10 telah dirasmikan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin Bin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) di Dewan Nusantara INSPEN.



6 September 2019 - Kolokium Disertasi Pasca Siswazah 2019 anjuran Pusat Akademik INSPEN telah diadakan di Dewan Nusantara dan Majlis telah dirasmikan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik).



4 November 2019 - Majlis Pendaftaran Pelajar Baru Sepenuh Masa Sesи 2019/2020 telah diadakan di Seroja Lounge INSPEN.



4-6 November 2019 - Mesyuarat Pembentangan Akhir Kertas Penyelidikan 2019 anjuran Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Institut Penilaian Negara, Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Malaysia telah diadakan di The Straits Hotel & Suites, Melaka.



20 November 2019 - Majlis Konvokesyen ke-14 INSPEN telah diadakan di Dewan Jubli INSPEN dan telah disempurnakan oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.



2 Disember 2019 - YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta JPPH Malaysia telah menyantuni kunjungan delegasi dari Queensland University Of Technology Australia (QUT) di Institut Penilaian Negara (INSPEN).

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA PERLIS



04 September 2019 - Komuniti Sihat Pembina Negara. Ceramah kesihatan dan pemeriksaan kesihatan di jalankan di JPPH Malaysia Perlis.

1- 2 November 2019 - Sambutan Hari Keluarga JPPH Malaysia Perlis telah diadakan di Chalet Kurong Tengar Perlis.

14 November 2019 - Sambutan Hari Inovasi JPPH Malaysia Perlis. Ceramah bertajuk Inovasi Ke Arah Kecemerlangan disampaikan oleh Pengarah LPPKN Perlis.

17 Disember 2019 - Lawatan Rasmi Pengarah Kanan Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Puan Rosni Nawati binti Ngah.

24 Disember 2019 - Lawatan Rasmi YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA ALOR SETAR



14 - 15 Oktober 2019 - Mesyuarat Kewangan dan Pentadbiran serta Teknikal diadakan di Haji Ismail Group Hotel, Pulau Langkawi.

21 Oktober 2019 - Lawatan sambil belajar dari UiTM Seri Iskandar di Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Malaysia Alor Setar. Lawatan ini dihadiri oleh 56 orang pelajar dan 2 orang pensyarah dari UiTM Seri Iskandar, Perak.



24 Oktober 2019 - Mesyuarat Pengumpulan Data (NAPIC) ini dihadiri oleh 18 orang kakitangan dari Majlis Bandaraya Alor Setar dan Kubang Pasu serta Majlis Daerah Pendang, Padang Terap, Yan serta Sik yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Malaysia Alor Setar.



22 September 2019 - Majlis Perpisahan Encik Aiman bin Ariffin bin Nordin dan Encik Mohd Hairul bin Othaman telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, JPPH Malaysia Alor Setar.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA SUNGAI PETANI



18 September 2019 - Diadakan Bengkel Pengisian Data PRISM PIMS-POR bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sungai Petani.



23 - 25 September 2019 - Taklimat Peningkatan VIS Baru dan Pembersihan Data VIS telah diadakan di antara Staff JPPH Malaysia Sungai Petani bersama Pasukan NVIS SAPURA di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sungai Petani.



24 Oktober 2019 - Majlis Persaraan Cik Selve Kumari dan Puan Norlia binti Ismail serta Majlis Jamuan Akhir Tahun JPPH Malaysia Sungai Petani telah diadakan di Swiss Inn Hotel Sungai Petani. Semua kakitangan JPPH Malaysia Sungai Petani turut hadir.



18 - 20 November 2019 - Mesyuarat Laporan Pasaran Harta 2019 JPPH Malaysia Kedah bertempat di EDC Hotels & Resorts UUM, Kedah. Semua staff NAPIC Negeri Kedah turut hadir.



27 November 2019 - Lawatan Teknikal Pelajar UiTM Sri Iskandar, Perak diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sungai Petani.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA LANGKAWI



9-10 Oktober 2019 - Lawatan Teknikal ke Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong, Baling, Kedah ini turut melibatkan ahli keluarga staf JPPH Malaysia Langkawi.



18 Disember 2019 - Jemputan Beramah Mesra Bersama YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Langkawi bertempat di Adya Hotel. Penilai Daerah telah menghadiri majlis tersebut.



16 Disember 2019 - Program GeoEducational Cruise Tour anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Penilai Daerah dan staf menyertai program tersebut.



16 Disember 2019 - Annual Dinner JPPH Malaysia Langkawi telah diadakan di Seaview Hotel bertemakan Hawaii. Ahli keluarga staf JPPH Malaysia Langkawi turut serta memeriahkan majlis tersebut.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA KULIM



19 September 2019 - Sempena Bulan Muharam 1441 Hijrah Kakitangan JPPH Malaysia Kulim telah membuat aktiviti mengacau bubur asyura secara bergotong-royong. Semua staf turut serta.



6 Oktober 2019 - Pemeriksaan kesihatan oleh Pihak LPPKN Kulim. Aktiviti ini dijalankan demi kesedaran kepentingan kesihatan bersama. Semua staf turut serta membuat pemeriksaan tersebut.



9 Oktober 2019 - Majlis Pemberian Cenderamata sempena kelahiran bayi staf JPPH Malaysia Kulim sempena meraikan kelahiran bayi kepada Encik Mohd Faizal Anuar Bin Mohd Shuib.



15 - 16 November 2019 - Hari Keluarga JPPH Malaysia Kulim telah dijalankan di Teluk Senangin Lumut, Perak.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA PULAU PINANG



23 Oktober 2019 - Taklimat Latihan Kemasukan Data PRISM (Borang D) Secara Online Kepada Pembekal Data NAPIC Pulau Pinang bertempat di Unit Informasi Harta Tanah, Tingkat 39, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang.



23 Oktober 2019 - Perlawanan Bowling Beragam JPPH Malaysia Pulau Pinang bertempat di Mydin Mall Bukit Mertajam. Perlawanan telah disertai oleh wakil dari ketiga-tiga cawangan dan turut dimeriahkan dengan penyertaan oleh Sr. Valzahmer Erdino bin Mohd Tahir, Penilai Daerah Georgetown.



11 November 2019 - Kunjungan Hormat ke atas YBhg. Dato' Sr. Hj. Rozali bin Mohamud, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai bertempat di Majlis Bandaraya Seberang Perai, Pulau Pinang.



15 November 2019 - Kunjungan Fakulti Pengurusan Harta Tanah, UiTM Shah Alam ke JPPH Malaysia Pulau Pinang bertempat Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Pulau Pinang, Tingkat 41, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang.



22 November 2019 - Lawatan Teknikal ke Bertam Properties Sdn. Bhd. Seramai 28 orang pegawai dan kakitangan dari kedua-dua cawangan dan turut disertai oleh Pengarah Penilaian Negeri Pulau Pinang dan Penilai Daerah Georgetown serta beberapa orang wakil daripada Bertam Properties Sdn. Bhd.



25 November 2019 - Majlis Penyampaian Anugerah JPPH Malaysia yang telah diadakan di INSPEL. JPPH Malaysia Pulau Pinang telah dipilih sebagai Johan bagi kategori Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Peringkat Pejabat Pengarah Penilaian Negeri.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA SEBERANG PERAI



27 September 2019 - JPPH Malaysia Seberang Perai telah dikunjungi oleh Pasukan VIS baru dari Ibu Pejabat JPPH Malaysia dan juga dari Team Sapura. Kunjungan ini bertujuan untuk memberi taklimat kepada staf berkaitan pembersihan data untuk VIS baharu.



28 September - 1 Oktober 2019 - Lawatan ke Sabah disertai seramai 9 ahli PEKIP dari JPPH Malaysia Seberang Perai dan seorang ahli PEKIP Georgetown. Ahli Pekip juga mengadakan lawatan ke Pondok Pengajian Muslimah Tarbiyatun Nisa', Tuaran, Sabah serta Hidayah Care di Kota Kinabalu.



2 Oktober 2019 - Mesyuarat Teknikal Peringkat Negeri, JPPH Malaysia Pulau Pinang telah diadakan di JPPH Malaysia Seberang Perai bertujuan untuk membincangkan hal-hal berkaitan teknikal.



25 Oktober 2019 - Mesyuarat Pentadbiran dan Kewangan Peringkat Negeri, JPPH Malaysia Pulau Pinang telah diadakan di Bukit Jawi Golf Resort, Sungai Jawi, Pulau Pinang.



25 Oktober 2019 - Majlis makan malam JPPH Malaysia Seberang Perai telah diadakan pada 25 Oktober 2019 bertempat di Bukit Jawi Golf Resort, Sungai Jawi, Pulau Pinang.



26 Oktober 2019 - Mesyuarat Teknikal Bil 3/2019 JPPH Malaysia Pulau Pinang telah diadakan di Bukit Jawi Golf Resort, Sungai Jawi, Pulau Pinang.



5 November 2019 - Seramai 2 orang pensyarah dan 46 orang pelajar dari UiTM Seri Iskandar , Perak telah hadir ke JPPH Malaysia Seberang Perai untuk lawatan sambal belajar.



5 November 2019 - Pihak KESUPEN telah mengadakan majlis persaraan untuk Puan Nuriha binti Ramli yang akan bersara pada 1/1/2020.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA PERAK



4 November 2019 - Majlis Jasamu Dikenang Budimu Disanjung yang diadakan di Syuen Hotel bersempena dengan pertukaran Tuan Haji Basarudin Bin Mohd Basir, Pengarah Penilaian Negeri Perak ke JPPH Malaysia Wilayah Persekutuan.



22 November 2019 - Satu taklimat berkaitan Kesedaran Pengurusan Simpanan Haji Mabruk oleh pihak Etiqa Takaful Ipoh telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Ipoh.



31 Disember 2019 - Pihak Sapura Transmission Sdn. Bhd. dengan kerjasama pihak kontraktor dan pihak GITN telah menjalankan Kerja-Kerja Naik Taraf Infrastruktur Sistem Rangkaian Sistem VIS Baru di JPPH Malaysia Perak, Ipoh.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA TAIPING



30 September 2019 - Program Bubur Asyura anjuran Pekip Taiping yang diadakan di perkarangan kediaman Pn. Suryani di Kg. Boyan, Taiping, Perak.



16 Oktober 2019 - Perlawanan persahabatan badminton antara JPPH Malaysia Taiping dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Taiping yang diadakan di Dewan Badminton Kawasaki, Tupai, Taiping, Perak.



7 November 2019 - Majlis pertukaran Pn. Jariah Bt Hj Mokri, Pembantu Penilaian W26 yang bertukar ke JPPH Malaysia Teluk Intan.



21 November 2019 - Perlawanan persahabatan bola sepak antara JPPH Malaysia Perak dengan Jabatan Keselamatan dan kebajikan Pekerja Perak yang diadakan di padang Sek. Men. Teknik Persiaran Brash, Ipoh.



6 Disember 2019 - Majlis pertukaran Pn. Nang Bee, Pembantu Penilaian W26 yang bertukar ke JPPH Malaysia Ipoh.

ZON UTARA : JPPH MALAYSIA TELUK INTAN



9 Oktober 2019 - Lawatan Teknikal Di Ladang Jenderata & United Plantation Sdn Bhd. bertempat di Ladang Jenderata Hutan Melintang. Lawatan ini disertai oleh Penilai Daerah dan semua warga teknikal Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia Cawangan Teluk Intan.



22 Oktober 2019 - Pertandingan sukan dalaman ini telah diadakan di tingkat 2, Pejabat JPPH Malaysia Teluk Intan. Di antaranya adalah pertandingan dart, congkak dan carom. Pertandingan ini terbahagi kepada 2 kumpulan.



9- 10 November 2019 - Hari Keluarga JPPH Malaysia Teluk Intan ini telah diadakan di Swiss-Garden Beach Resort Damai Laut, Lumut.

ZON TENGAH : JPPH MALAYSIA SHAH ALAM



27 September 2019 - Majlis Perpisahan sempena perpindahan Puan Siti Nor Bakyah Binti Haroon telah diadakan oleh KESUPEN Shah Alam. Majlis yang diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 4, JPPH Malaysia Shah Alam.




27 September 2019 - Bersempena dengan kenaikan pangkat Puan Kartini binti Nordin daripada Penilai Daerah Shah Alam kepada Pengarah Penilaian Negeri Perak, satu majlis perpisahan telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 4, JPPH Malaysia Shah Alam.



17 Oktober 2019 - Sempena sambutan Bulan Sukan Negara, PUSPANITA JPPH Malaysia Negeri Selangor / Shah Alam dengan kerjasama Pusat Darah Negara, Kuala Lumpur telah menganjurkan satu program "Kempen Derma Darah" bertempat di Lobi Plaza Perangsang, Selangor.



17 Oktober 2019 - Sempena berlangsungnya Program Kempen Derma Darah, bertempat di Lobi Plaza Perangsang, PUSPANITA JPPH Malaysia Shah Selangor/Shah Alam dengan kerjasama Jabatan Belia Dan Sukan Selangor telah mengadakan aktiviti senamrobik dan Ujian Kecergasan Kebangsaan (UKJK).



23 November 2019 - KESUPEN Shah Alam/Selangor telah mengaturkan satu Jamuan Tahunan JPPH Malaysia Shah Alam yang telah diadakan di Kayangan Ballroom, Plaza Perangsang.



25 -28 November 2019 - Persidangan Pengarah Penilaian Negeri Dan Penilai Daerah JPPH Malaysia ke 78. Persidangan ini telah diadakan di INSPEL, Bangi dan dihadiri oleh semua Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah setiap cawangan JPPH Malaysia. JPPH Malaysia Negeri Selangor telah dipilih menjadi tuan rumah bagi persidangan kali ini.



27 November 2019 - PUSPANITA JPPH Malaysia Negeri Selangor / Shah Alam telah mengadakan program lawatan ke Kompleks Nasryul Quran bersama pengurus Puspanita Selangor dan beberapa wakil isteri ahli persidangan.

ZON TENGAH : JPPH MALAYSIA BANDAR BARU BANGI



4 September Jun 2019 - Puspanita JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi telah mengadakan lawatan kebajikan dengan melawat kakitangan JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi iaitu Puan Juhaida binti Jumli di Institut Kanser Negara , Putrajaya.



6 September 2019 - Puspanita JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi telah menganjurkan "Fun Walk" bertempat di Taman Tasik Cempaka. Program tersebut telah disertai oleh semua ahli puspanita dan kehadiran Puan Alifah binti Mohamed Pengurus Puspanita JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi memeriahkan lagi aktiviti yang dijalankan.



10 -13 September 2019 - Pihak Unit Integriti dan Pengauditan, Ibu Pejabat telah menjalankan Audit Teknikal dan Kewangan di JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi.



25 September 2019 - KESUPEN JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi telah mengadakan Majlis Junjungan Budi Lambaian Kasih sempena perpindahan Encik Elmi bin Loman, Pegawai Penilaian W44 JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi yang bertukar ke JPPH Malaysia Klang.



24 Oktober 2019 - KESUPEN JPPH Malaysia Bandar Baru Bangi telah mengadakan Majlis Junjungan Budi Lambaian Kasih sempena persaraan Puan Samsiyah binti Muhamad, Pelukis Pelan J22.

ZON TENGAH : JPPH MALAYSIA SEPANG



04 Oktober 2019 - JPPH Malaysia Sepang telah mengadakan Majlis Hi-Tea anjuran KESUPEN JPPH Malaysia Sepang. Yang bertempat di Indus Cafe, Bora Ombak, Putrajaya. Majlis ini juga meraikan pegawai JPPH Malaysia Sepang yang bertukar.



12 Oktober 2019 - JPPH Malaysia Sepang telah menyertai Larian Kewangan 2019 peringkat Kementerian Kewangan yang bertempat di Presint 4, Putrajaya.



9 November 2019 - JPPH Malaysia Sepang telah menyertai Majlis Sambutan Maulidur Rasul bersama dengan PEKIP Ibu Pejabat di Axiata Arena Bukit Jalil.



19 Disember 2019 - JPPH Malaysia Sepang telah mengadakan majlis perpisahan untuk Pn. Nurhani Binti Tajudin, Penolong Pegawai Penilaian W29 yang akan bertukar ke Unit Komunikasi Korporat, Ibu Pejabat.

ZON SELATAN : JPPH MALAYSIA SEREMBAN



14 - 15 September 2019 - Program Family Day JPPH Malaysia Negeri Sembilan 2019 dianjurkan oleh pihak KESUPEN Seremban yang telah diadakan di Hotel Suria Cherating, Pahang.



8 November 2019 - Perlawanan Persahabatan Badminton di antara JPPH MALAYSIA Negeri Sembilan dan JPPH Malaysia Melaka telah diadakan.



10 November 2019 - Unit Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Pengarah Penilaian Negeri JPPH Malaysia Negeri Sembilan telah menganjurkan Program Team Building JPPH Malaysia Negeri Sembilan Tahun 2019 di Hotel Corus Paradise, Port Dickson, Negeri Sembilan.



12 Disember 2019 - Lawatan Teknikal ke Kompleks Nasryul Quran, Putrajaya dianjurkan oleh PEKIP Seremban.

ZON SELATAN : JPPH MALAYSIA JEMPOL



14-16 September 2019 - Hari Keluarga JPPH Malaysia Jempol 2019 dianjurkan oleh pihak KESUPEN Jempol yang telah diadakan di Adena Beach Resort, Cherating Kuantan Pahang.

ZON SELATAN : JPPH MALAYSIA MELAKA



21 September 2019 - KESUPEN Melaka telah menganjurkan Majlis Makan Malam JPPH Malaysia Melaka yang bertemakan "Arabian Night".



6 Disember 2019 - Majlis Persaraan Puan Siti Hajar Binti Husin. Beliau yang telah mula bercuti pada 2 Disember akan bersara pilihan pada 2 Januari 2020.



11 Disember 2019 - Mesyuarat antara JPPH Malaysia Melaka dan Bintang Urusjuta Sdn. Bhd bagi membincangkan cadangan usahama untuk mengadakan seminar Bandar Pintar.

ZON SELATAN : JPPH MALAYSIA JOHOR



15 September 2019 - Lawatan Kerja Rasmi oleh YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ke JPPH Malaysia Johor.



06 November 2019 - Lawatan Kerja Rasmi oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin Bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Malaysia Ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia Johor bersama Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Encik Adam Bin Abu Hanipah.



18 November 2019 - Pengauditan Emolumen Tahun 2019 oleh Jabatan Audit Negara, Negeri Johor di Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Malaysia Negeri Johor.



24 Disember 2019 - Lawatan kunjungan hormat telah diadakan di JPPH Malaysia Negeri Johor. Turut diadakan perjumpaan sesi dua hala antara pihak Kesatuan Sekerja dan pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia Negeri Johor.

ZON SELATAN : JPPH MALAYSIA MUAR



2 September 2019 - Taklimat bersama Bahagian Teknologi Maklumat Ibu Pejabat Dan Sapura Berkaitan Vis Baru di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Muar, Tingkat 5, Bangunan Muar Trade Centre.



9 Oktober 2019 - Lawatan Audit mengejut daripada Ibu Pejabat JPPH Malaysia Ke Pejabat JPPH Malaysia Muar.



13 Oktober 2019 - Perbincangan mengenai Mekanisme Penyaluran Maklumat berkaitan harta tanah dalam Daerah Muar bersama Majlis Perbandaran Muar bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Muar.

ZON SELATAN : JPPH MALAYSIA SEGAMAT



10 September 2019 - JPPH Malaysia Segamat telah menerima kunjungan dari Pasukan VIS Baru Ibu Pejabat JPPH Malaysia dan wakil dari syarikat Sapura.



22 Oktober 2019 - JPPH Malaysia Segamat telah menganjurkan program Taklimat Penerangan berkaitan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru. Program ini telah disertai oleh Pengarah Penilaian Negeri Johor, Penilai-Penilai Daerah di Negeri Johor, wakil dari cawangan JPPH Malaysia Johor Bahru, JPPH Malaysia Kluang, JPPH Malaysia Batu Pahat, JPPH Malaysia Muar dan kesemua kakitangan JPPH Malaysia Segamat.



9 November 2019 - JPPH Malaysia Segamat telah menyertai program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Segamat yang dianjurkan oleh Pejabat Daerah Segamat.



5 Disember 2019 - KESUPEN JPPH Malaysia Segamat telah mengadakan program Hi Tea peringkat Jabatan.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA PAHANG



2 Oktober 2019 - Kunjungan Hormat Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Pemaju Harta Tanah dan Perumahan Malaysia Cawangan Pahang (Rehda Pahang) ke JPPH Malaysia Negeri Pahang di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, JPPH Malaysia Negeri Pahang.



30 Oktober 2019 - Majlis Penghargaan JPPH Malaysia Bersama Data Provider (Pembekal Data) Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Negeri Pahang 2019 di Bilik Mesyuarat dan Latihan, Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuantan, Pahang.



14 November 2019 - Seminar Harta Tanah Wilayah Pantai Timur yang dianjurkan oleh KESUPEN Cawangan Kuantan dan Penilaismaya serta yang telah disokong oleh JPPH Malaysia Negeri Pahang dirasmikan oleh KPPPH JPPH Malaysia YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abdul Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre.



9 Disember 2019 - Sesi bergambar dengan staf-staf JPPH Malaysia Negeri Pahang bersama YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abdul Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta semasa Lawatan Kerja Rasmi beliau Ke JPPH Malaysia Negeri Pahang.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA TEMERLOH



14 & 15 September 2019 - Program hari keluarga JPPH Malaysia Temerloh telah diadakan di Al Safina Kijal, Kemaman, Terengganu.



18 September 2019 - Inspektorat keselamatan perlindungan telah dilaksanakan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti keselamatan perlindungan di JPPH Malaysia Temerloh.



12 Disember 2019 - Taklimat pendedahan kepada kakitangan mengenai pelan perubatan yang disediakan oleh MAKSAK iaitu Program Kad Perubatan MAKSAK Medicare, Skim Perlindungan Kesihatan MAKSAK Ikhtiar dan Dana Persaraan untuk kakitangan kerajaan dan ahli keluarga.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA RAUB



25 November 2019 - Kelab KESUPEN Raub telah menghantar enam orang peserta bagi mewakili JPPH Malaysia Raub dalam pertandingan ini yang bertempat di Kawasan pekarangan Masjid Mahabbah Raub.



25 November 2019 - JPPH Malaysia Raub telah mengambil peluang untuk mengadakan hari bertemu pelangan bagi memberi info tentang peranan dan fungsi JPPH Malaysia kepada orang awam.



10 Disember 2019 - JPPH Malaysia Raub telah berjaya mengadakan satu majlis makan malam bersama keluarga di sebuah Pusat Perlancongan dalam daerah Raub iaitu Laman Persona Resort Jalan Cheroh Sungai Koyan.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA KELANTAN



13 - 14 September 2019 - Hari Keluarga JPPH Malaysia Kelantan 2019 telah diadakan bertempat di Villa Dianalla, Melawi, Bachok, Kelantan yang dihadiri sebanyak 41 keluarga yang melibatkan seramai 160 orang.



16 - 17 Oktober 2019 - Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penilaian Negeri Kelantan Tahun 2019 dan Mesyuarat Teknikal JPPH Malaysia Kelantan telah diadakan bertempat di Lojing, Gua Musang.



20 November 2019 - Kunjungan hormat oleh pasukan penyelidik dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang diketuai oleh Prof. Rosdi Abdul Rahman (Fakulti Senibina dan Ekistik), Prof Dr. Mohd Saberi Mohamad (Pengarah Institut Kepintaran Buatan dan Data Raya) dan Prof. Madya Dr. Suriatini Ismail (Fakulti Senibina dan Ekistik).



16 Disember 2019 - Beberapa sesi kunjungan hormat dan turun padang telah berjaya dijalankan di sepanjang bulan Oktober sehingga Disember. Antara jabatan yang telah dibuat kunjungan hormat adalah seperti Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Majlis Daerah Pasir Puteh, Pejabat Ketua Jajahan Pasir Mas, Pejabat Ketua Jajahan Tumpat, Pejabat Tanah Bachok, Pejabat Ketua Jajahan Kota Bharu dan Pejabat Ketua Jajahan Pasir Puteh.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA KUALA KRAI



2 September 2019 - Proses Perpindahan Pejabat Penilai Daerah dan Pentadbiran telah dijalankan.



21 November 2019 - Pejabat JPPH Malaysia Kuala Krai telah mengadakan Bengkel Rekod bertempat di JPPH Malaysia Kuala Krai.



19 Disember 2019 - Aktiviti sukan dalaman yang diadakan di JPPH Malaysia Kuala Krai.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA TERENGGANU



8 Oktober 2019 - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia Negeri Terengganu telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Panel Perunding Penilaian Harta Tanah (Valuation Consultative Panel) Zon Timur yang telah dipengerusikan oleh Pengarah Penilaian Negeri Terengganu iaitu Puan Sr Arba'yah binti Ahmad.



9 Oktober 2019 - Kunjungan Hormat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu ke Agensi Kerajaan Negeri Terengganu bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Y.B. Dato' Mohd Zahari bin Md Azhar.



10 Oktober 2019 - Kunjungan Hormat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu ke Agensi Kerajaan Negeri Terengganu bersama Pengarah JKPTG Negeri Terengganu, YBrs. Encik Haszlihisham bin Abdullah.



15 Oktober 2019 - Kunjungan Hormat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu ke Agensi Kerajaan Negeri Terengganu bersama Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Terengganu, YM Tengku Seri Bijaya Raja Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil.



15 Oktober 2019 - Kunjungan Hormat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu ke Agensi Kerajaan Negeri Terengganu bersama Menteri Besar Terengganu, Y.A.B Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar.



19 November 2019 - Kunjungan Hormat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu ke Agensi Kerajaan Negeri Terengganu bersama Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Y.B. Dato' Azhar bin Abdul Hamid.



19 November 2019 - Kunjungan Hormat Pengarah Penilaian Negeri Terengganu ke Agensi Kerajaan Negeri Terengganu bersama Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Terengganu, YBrs. Tuan Haji Samiun bin Salleh.



15 Disember 2019 - JPPH Malaysia Negeri Terengganu telah menerima kunjungan hormat daripada YBrs. Tuan Sr. Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta sempena lawatan kerja rasmi beliau ke Negeri Terengganu.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA CHUKAI



1 November 2019 - KESUPEN cawangan JPPH Malaysia Chukai telah mengadakan Annual Dinner bagi tahun 2019 yang bertempat di Dewan Bidara, UiTM Dungun.



21 November 2019 - JPPH Malaysia Chukai telah mengadakan satu taklimat berkenaan dengan "Penilaian Cepat" dan Perkongsian Ilmu Penilaian Duti Setem.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA JERTEH



12 September 2019 - Majlis Perpisahan Penilai Daerah Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Malaysia Jerteh iaitu Encik Mohd Wira bin Mohd Fuzi yang bertukar ke JPPH Malaysia Labuan pada 1 Oktober 2019.



1 Oktober 2019 - Perjumpaan Bersama Penilai Daerah Jerteh yang baru Puan Siti Zulfaizal binti Ahmad yang melapor diri pada 1 Oktober 2019.



20 November 2019 - Mesyuarat telah diadakan di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia Jerteh yang dihadiri oleh semua Ketua Cawangan dan Ketua Unit dari JPPH Malaysia Negeri Terengganu, JPPH Malaysia Kuala Terengganu dan JPPH Malaysia Chukai dan tuan rumah iaitu JPPH Malaysia Jerteh. Mesyuarat KUKC tersebut telah dipengerusikan oleh Pengarah Penilaian Negeri Terengganu iaitu Puan Sr Arba'yah binti Ahmad.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA SABAH



1 September 2019 - Taklimat dan aktiviti berkaitan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) / SSPN-i Plus dan lain-lain pertanyaan berkaitan PTPTN telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sabah, Tingkat 4, Blok B, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah.



12 September 2019 - Unit Perkhidmatan, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan (SPSM, BKP) telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan Unit Perkhidmatan Tahun 2019 yang diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sabah, Tingkat 4, Blok B, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah.



18 September 2019 - Mesyuarat Panel Perunding Harta Tanah (Zon Sabah) (Valuation Consultative Panel – VCP) telah diadakan pada 18 September 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat, JPPH Malaysia Sabah, Tingkat 4, Blok B, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah.



18 September 2019 - Mesyuarat Pegawai JPPH Malaysia Sabah, Mesyuarat Pentadbiran dan Kewangan JPPH Malaysia Sabah dan Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan, JPPH Malaysia Sabah telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sabah, Tingkat 4, Blok B, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah.



7 November 2019 - Majlis Penyerahan dua (2) buah Mesin Taip Elektronik secara pindahan aset ke SK Babagon, Penampang, Sabah telah diadakan di SK Babagon, Penampang, Sabah. Penyerahan mesin taip elektronik tersebut telah dihadiri oleh Sr Haji Azmi bin Abd Khalid, Pengarah Penilaian Negeri Sabah diringi oleh Encik Roney Sikong, Pembantu Tadbir (P/O).



8 November 2019 - Seramai empat pegawai Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah mengadakan lawatan ke JPPH Malaysia Sabah bagi sesi perbincangan berkaitan Informasi dan Data Commercial Floor Space di Sabah telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sabah, Tingkat 4, Blok B, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu, Sabah yang telah dipengerusikan oleh Sr Haji Azmi bin Abd Khalid, Pengarah Penilaian Negeri Sabah.



3 Disember 2019 - Perjumpaan dan Perbincangan bersama dengan Pengarah Jabatan Penilaian, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Puan Abby Mae Joe yang dipengerusikan oleh Encik Muhammad Farizan bin Haji Abdul Razak, Penilai Daerah Kota Kinabalu telah diadakan di Bilik Mesyuarat JPPH Malaysia Sabah, Tingkat 4, Blok B, Bangunan KWSP, Kota Kinabalu. Perjumpaan tersebut turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada DBKK dan JPPH Malaysia Kota Kinabalu.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA TAWAU



26 September 2019 - Lawatan Kerja Unit Perkhidmatan Bahagian Ibu Pejabat ke JPPH Malaysia Tawau. Lawatan kerja ini telah memberikan peluang kepada kakitangan JPPH Malaysia Tawau untuk melihat dan menyemak buku perkhidmatan masing-masing.



5 September 2019 - Hari Keluarga JPPH Malaysia telah diadakan bertempat di pulau-pulau Semporna dan disertai oleh ahli-ahli KESUPEN bersama ahli keluarga masing-masing.



20 November 2019 - JPPH Malaysia Tawau yang berada di Tingkat 1, Wisma Persekutuan telah terlibat dalam Latihan Kecemasan Kebakaran Bangunan.



23 November 2019 - Kelab KESUPEN telah menyertai aktiviti Gotong Royong Mega Tawau anjuran Majlis Perbandaran Tawau. Aktiviti ini telah disertai oleh beberapa jabatan kerajaan persekutuan dan negeri, swasta dan syarikat-syarikat alam sekitar yang terdapat di sekitar Daerah Tawau Sabah.

ZON TIMUR : JPPH MALAYSIA SIBU



14 November 2019 - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia Sibu telah melaksanakan program kualiti dan produktiviti melalui Sambutan Hari Integriti untuk memberi kesedaran integriti terhadap Warga Jabatan.



15 November 2019 - Lawatan Teknikal ke Lembaga Pelabuhan Bintulu.



16 November 2019 - JPPH Malaysia Sibu telah mengadakan sambutan Hari Keluarga di Pantai Tanjung Batu Bintulu, Sarawak.

AKTIVITI PERSATUAN JPPH

PROGRAM CSR KONVOI KEMBARA HARI MALAYSIA KE DESARU, NEGERI JOHOR

14 September 2019 - Kelab Sukan dan Kebajikan Penilaian (KESUPEN) Pusat telah menganjurkan Konvoi Kembara Hari Malaysia 2019 dengan kerjasama Persatuan Kakitangan Islam Penilaian (PEKIP) Ibu Pejabat dan JPPH MALAYSIA Bikers ke Maahad Tahfiz Ar Rayyan, Ulu Tiram, Johor. Ianya merupakan salah satu program lawatan muhibbah dan Comunication Social Responsibility (CSR) dengan pihak luar yang dikelolakan oleh kelab dan persatuan di Jabatan.

Konvoi Kembara Hari Malaysia untuk program CSR ini telah bergerak pada 13 September 2019 daripada INSPEN yang telah dilepaskan oleh YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Dalam perjalanan ke Desaru, konvoi juga telah berhenti di Masjid Ar-Raudah Saleng Johor untuk mengadakan aktiviti kemasyarakatan bersama kariah masjid tersebut.

Aktiviti di Maahad Tahfiz Ar Rayyan diadakan penyampaian sumbangan ikhlas daripada persatuan dan kelab Jabatan kepada pihak Maahad yang telah disampaikan oleh YBrs. Sr Haji Ahmad Zailan bin Azizuddin, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Sebanyak RM3,500 telah disumbangkan hasil kutipan dari ahli PEKIP dan KESUPEN JPPH Malaysia.

Konvoi Kembara Hari Malaysia JPPH Malaysia telah bertolak balik pada 15 September 2019 dan telah tiba dengan selamatnya.



JPPH MALAYSIA MENYERTAI PERBARISAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN

9 November 2019 - Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH Malaysia) telah menyertai Perarakan Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 / 1441Hijrah. Seramai 50 orang warga JPPH Malaysia yang diketuai oleh YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menyertainya.



*Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Malaysia*

**Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia
Kementerian Kewangan Malaysia**

Aras 8, Perbendaharaan 2

No.7 Persiaran Perdana

Presint 2, 62592 Putrajaya

Tel : (603) 8886 9000

Fax : (603) 8886 9001

Portal : www.jpph.gov.my